

NOTA PERCAKAPAN
Y.B. MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU
DALAM
MAJLIS PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN
PENGERUSI DAN ANGGOTA BAHARU LEMBAGA PERLESENAN
TENAGA ATOM

21 FEBRUARI 2017, 4.00 PETANG

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1MOSTI,

Yang Berbahagia, Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Hj. Yahaya, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI),

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ahmad Fauzi Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (Pengerusi Lembaga).

Yang Berusaha, Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul, Timbalan Ketua Setiausaha Sains, Teknologi dan Inovasi (Anggota Lembaga),

Yang Berusaha Encik Kua Abun, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pengkomersialan (MOSTI),

Yang Berbahagia, Datuk Dr. Nayan bin Yambu @ Laurentius, mantan Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah (Anggota Lembaga),

Yang Berusaha, Dr. Muhd. Noor bin Muhd. Yunus, mantan Timbalan Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (Anggota Lembaga),

Yang Dihormati Pengarah Bahagian Kawalselia Sinaran Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), En. Hasmadi bin Hassan (mewakili Setiausaha Eksekutif Lembaga),

seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dan meluangkan masa untuk Majlis Penyerahan Surat Perlantikan Pengerusi dan Anggota Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) Yang Baharu ini.

Hadirin yang dihormati,

Selaras dengan peruntukan yang ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) berkenaan penubuhan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ini, maka Lembaga hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat orang anggota lain. Namun begitu, pada 22 November 2016, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Sukiman bin Sarmani telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Lembaga. Oleh yang demikian, Yang Berbahagia Ir. Datuk Ahmad Fauzi bin Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga yang baharu mulai 23 Januari 2017. Pengalaman beliau yang luas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga sejak tahun 2010 dan sebagai anggota Lembaga selama 7 tahun, melayakkan beliau untuk dilantik sebagai Pengerusi Lembaga yang baharu.

Selain itu, terdapat dua kekosongan anggota Lembaga berikutan perlantikan Yang Berbahagia Ir. Datuk Ahmad Fauzi sebagai Pengerusi Lembaga yang baharu dan perletakkan jawatan Yang Berbahagia Prof. Dr. Nahrul Khair bin Alang Md. Rashid berikutan beliau telah menerima perlantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC). Bagi mengisi 2 kekosongan ini, saya telah melantik Yang Berbahagia Datuk Dr.

Nayan bin Yambu @ Laurentius, yang merupakan mantan Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, yang berpengetahuan luas dalam pengurusan alam sekitar dan Yang Berusaha Dr. Muhd. Noor bin Muhd. Yunus, mantan Timbalan Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, sebagai Anggota Lembaga yang baharu. Yang Berusaha Dr. Muhd. Noor merupakan mantan Timbalan Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia dan telah berkhidmat dengan Agensi tersebut selama 36 tahun. Tempoh lantikan Pengerusi dan dua anggota Lembaga ini adalah bagi tempoh selama tiga tahun sehingga 22 Januari 2020.

Hadirin sekalian,

Pada masa ini Lembaga turut dianggotai oleh Ketua Pengarah Kesihatan iaitu Yang Berbahagia Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, dan Yang Berusaha Madya Dr. Ramzah bin Dambul, yang merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Perlantikan Pengerusi dan dua anggota Lembaga yang baharu ini melengkapkan keanggotaan Lembaga seramai lima (5) orang seperti yang yang ditetapkan di bawah Sub-seksyen 3(2) Akta 304.

Pelantikan Yang Berbahagia Ir. Datuk Ahmad Fauzi dan dua anggota Lembaga yang baharu adalah pilihan yang tepat berdasarkan kepakaran dan pengalaman masing-masing dalam bidang berkaitan yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. MOSTI yakin bahawa pengalaman dan pengetahuan mendalam Yang Berbahagia Ir. Datuk Ahmad Fauzi, yang dibantu dengan kepakaran dan pengalaman luas anggota Lembaga yang lain, akan membolehkan beliau menerajui Lembaga

dalam membuat keputusan penting berkaitan aktiviti tenaga atom di Malaysia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan anggota Lembaga atas perlantikan ini dan selamat maju jaya kepada semua anggota Lembaga dalam menerajui badan penguatkuasa ini.

Sekian, terima kasih.